

Singapura bimbang pertukaran kerajaan

BH - 6 SEP 2001
Oleh Wan **Hazmir**
Bakar

KUALA LUMPUR, Rabu - Singapura bersetuju menyelesaikan semua isu tertanggung dengan Malaysia kerana bimbang berlaku perubahan kerajaan di negara ini yang akan menyukarkan lagi rundingan pada masa depan, kata Menteri Kanannya, Lee Kuan Yew.

Sambil mendakwa pihaknya banyak bertolak-ansur kali ini, Lee berkata, Singapura berpendapat adalah lebih baik isu tertanggung sekarang diselesaikan pada masa ini dengan kerajaan yang diterajui Umno yang berpegang kepada janji.

Tambahan pula, katanya, Singapura mahu jaminan kesejahteraan bekaian air dari Malaysia secepat 2061 dan permasalahan itu tidak wajar dibiarkan beriarutan kerana ada antara isu sudah dipersetujui sebelum rundingan ini.

"Kami tidak mengiaiah dengan mudah tetapi kami memutuskan untuk mencapai persetujuan walaupun ia bukan sesuatu yang boieh saya katakan sebagai seimbang.

"Seandainya kita tidak mencapai persetujuan dan beriak perubahan yang tidak disangka di Malaysia umpamanya... semoga ia tidak beriak pada 2004... anda tidak ada lagi kerajaan yang diterajui Umno, maka kami perlu berunding dengan rakan baru. Ia tentu memberi masalah.

"Kami boleh terus ber-tegas dan menunggu ber-

Lee Kuan Yew berpendapat lebih baik isu tertanggung diselesaikan dengan kerajaan diterajui Umno yang berpegang kepada janji

iak perubahan itu tetapi kami mungkin berunding dengan kerajaan yang tidak boieh menunaikan janji," katanya pada akhir lawatan empat hari ke Malaysia, di sini hari ini.

Lee mengulas mengenai persetujuan yang dicapai berikutan perbincangan beiiiau dengan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, semalam yang merangkumi penjujukan air oieh Malaysia kepada Singapura; pembangunan tanah milik KTM Bhd dan status Pusat Kastam, Imigresen dan Kuarentin.

Isu lain ialah penggunaan ruang udara Malaysia oleh Tentera Udara Republik Singapura dan pengeluaran wang caruman daripada Kumpulan Wang Simpanan Pusat Singapura (CPF) oieh pekerja Semenanjung.

Lee bagaimanapun berkata, perubahan kerajaan itu tidak mungkin beriak pada 2004 tetapi bimbang kekuatan Umno akan berkurangan sehingga menjejaskan kekuatan kerajaan yang diterajuinya.

"Tidak mungkin Pas menang pada 2004... amat tidak mungkin tetapi agak mungkin untuk Umno hilang beberapa lagi kerusi, malah beberapa lagi negeri kepada Pas.

"Ia bukan sesuatu keputusan yang buruk tetapi ia akan menghakis kekuatan moral Umno," dakwanya.

Ditanya apakah Singapura bimbang Malaysia akan menyekat bekaian air ke republik itu, Lee berkata, beiiiau tidak fikir kerajaan Malaysia akan berbuat demikian.

"Tetapi sava tidak pasti apa kerajaan yang tidak waras akan buat. Tiada kerajaan yang rasionai akan mengambil langkah yang akan menjurus kepada campur tangan Majlis Kesejahteraan (Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu) dan tindakan daripada kami untuk mempertahankan kepentingan kami.

"Maksud sava ia bukanlah sesuatu yang anda lakukan tanpa memberi kesan," katanya.

Ditanya apakah persetujuan yang dicapai itu adii, Lee berkata, terpulng kepada seseorang itu untuk menilainya tetapi mendakwa Singapura banyak bertolak-ansur.

"Kami meminta 150 juta gelen air mentah selepas 2061 tetapi mendapat 100 juta geien saja. Kami menawarkan 12 bidang tanah di Bukit Timah dan kami bersetuju kenaikan tarif daripada tiga sen kepada 45 sen untuk bekalan air sekarang, katanya